

Anak autisme leka dengan satu mainan



Tanggal 2 April setiap tahun disambut sebagai Hari Kesedaran Autisme di seluruh dunia.

Autisme adalah gangguan perkembangan otak kanak-kanak yang menyebabkan mereka mengalami masalah komunikasi, interaksi sosial, pemikiran dan emosi serta jejakan pencapaian intelektual.

Setiap ibu bapa perlu prihatin dengan perkembangan anak bagi mengenal pasti sama ada mereka mempunyai ciri autisme atau sebaliknya.

Gejala autisme lazimnya bermula pada usia kanak-kanak tiga tahun dan masih belum pandai bercakap.

Lambat bercakap atau tidak bercakap sama sekali juga mungkin antara tanda anak mengalami autisme.

Kanak-kanak autisme menunjukkan minat ke atas permainan yang berulang dan berlebihan.

Tidak hirau orang lain

Mereka juga mungkin lebih gemar bermain secara bersendirian dan tidak menghiraukan orang lain.

Memiliki corak komunikasi yang digelar 'echolalia' iaitu suka mengulangi percakapan orang lain.

Selain itu, mereka sanggup menggunakan masa yang panjang untuk mengulangi sesuatu perbuatan seperti memusingkan badan dalam bulatan, melambai tangan di depan mata sendiri atau menggigit kuku.

Kanak-kanak terbabat juga memiliki kecerdasan kurang normal dan bagi mereka yang sudah remaja sering menjadi tertekan dan cemas.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengenal pasti gejala yang dihadapi anak sebelum membawanya berjumpa pakar.

hami perasaan orang lain seperti sakit atau sedih.

Kanak-kanak yang mengalami autisme juga perlu menjalani ujian pendengaran dan ujian lain untuk memastikan punca mereka tidak bercakap atau bergaul dengan orang lain.

Merawat autisme membabitkan latihan tingkah laku termasuk belajar berkomunikasi atau terapi pertuturan dan membantu diri mereka sendiri ketika mereka mula dewasa.

Rawatan berbeza bagi setiap kanak-kanak dan berubah dari semasa ke semasa kerana setiap kanak-kanak adalah berbeza.

Fahami tabiat anak

Dalam perkara ini, anggota keluarga turut memainkan peranan dan perlu memahami keadaan kanak-kanak autisme.

Ini dapat mengurangkan tekanan ke atas keluarga dan membantu anak berfungsi dengan lebih baik.

Dapatkan maklumat mengenai kemudahan bagi menyokong pembelajaran anak yang menghidap autisme.

Berkomunikasi dengan keluarga lain yang memiliki anak autisme dapat melegakan ibu bapa dan keluarga selepas bertukar pengalaman dan maklumat.

INFO

Ciri-ciri autisme

- ⊕ Tidak boleh menguasai atau sangat lambat dalam penguasaan bahasa harian.
- ⊕ Hanya boleh mengulangi beberapa perkataan sahaja
- ⊕ Mata yang tidak jernih atau tidak bersinar

Nilai interaksi sosial

Doktor akan menilai dari sudut interaksi sosial anak termasuk hubungan mata dengan orang lain.

Kanak-kanak autisme sukar mema-

⦿ Tidak suka atau tidak mahu melihat mata orang lain

⦿ Hanya suka mainan sendiri (kebanyakan hanya satu mainan itu saja yang dia mainkan)

⦿ Tidak suka berbual dengan orang lain.

BH
2/4/2016
MLS 5

